


PI1M Memacu Masa Depan

Nama | **Marie Monica Ak Nyohim**

Lokasi PI1M | **PI1M Skio, Kampung Skio, Jalan Jambusan, 94000 Bau, Kuching, Sarawak.**

Pemberi Perkhidmatan | **Maxis Mobile Sdn. Bhd.**



Satu pencapaian yang besar! Slip Keputusan PMR Marie Monica.



Marie Monica bangga dengan Keputusan PMR yang diperolehinya.

Siapa sangka hasil usaha seorang pelajar sekolah menengah yang berumur 16 tahun, Marie Monica mengulangkaji pelajaran secara atas talian dan menyiapkan kerja kursus di Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) Skio telah membuahkan hasil yang tidak dijangka. Beliau berjaya mendapat keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) pada tahun lalu dengan memperolehi semua A dalam tujuh mata pelajaran yang didudukinya yang secara tidak langsung telah menjadi kebanggaan PI1M Skio.

Sejak awal lagi Marie Monica telah menyedari tentang kepentingan untuk sentiasa bersedia memperluaskan diri bukan hanya dari segi ilmu pengetahuan sahaja malah pengalaman kerja dan teknik berinteraksi dengan masyarakat sebagai persediaan untuk mengesap kejayaan pada masa hadapan perlulah bermula sejak muda lagi. Kewujudan PI1M di Kampung Skio merupakan perkara yang amat menggembirakannya kerana PI1M bagaikan platform untuk mencapai matlamatnya.

Marie Monica yang telah menjadi ahli PI1M pada 6 April 2013 merupakan salah seorang sukarelawan yang aktif di PI1M Skio. Antara tugas sebagai sukarelawan adalah membantu petugas PI1M dalam menjayakan aktiviti yang dianjurkan, contohnya Hari Terbuka PI1M. Penglibatannya dalam aktiviti PI1M Skio telah memberi pengalaman kerja yang berkaitan dengan komuniti yang secara tidak langsung mempertingkatkan kemahirannya dalam perhubungan sosial dan interaksi dengan orang ramai. Selain

itu, latihan ICT yang dipelajari telah mempersiapkannya dalam melangkah ke alam universiti mahupun pekerjaan pada masa hadapan.

PI1M yang menyediakan latihan asas ICT secara percuma serta capaian internet dan kemudahan lain telah menarik minat Marie Monica untuk mengikuti latihan ICT dan memperolehi ilmu pengetahuan dan maklumat tambahan selain daripada sesi pembelajaran di sekolah dan media cetak seperti buku teks dan rujukan pada hujung minggu. Selain

itu, khidmat nasihat daripada petugas PI1M yang peramah sentiasa memberi bimbingan kepada Marie Monica untuk menyiapkan kerja kursus dan amali yang diberi penilaian dan markah bagi calon PMR.

Pada pandangan beliau, penubuhan PI1M di kawasan pedalaman sememangnya telah berjaya membantu dalam mempertingkatkan lagi mutu pendidikan negara di kalangan pelajar luar bandar khususnya. Kewujudannya jika digunakan sebaik mungkin memberikan impak yang besar

kepada pelajar. Kemudahan serta perkhidmatan yang diberikan di PI1M jauh lebih murah jika dibandingkan dengan harga yang ditawarkan oleh kafe siber. Selain latihan asas ICT yang disediakan secara percuma, faktor kedudukan PI1M yang strategik, selesa dan dilengkapi dengan penghawa dingin dan pelbagai kemudahan membuatnya terus mengunjungi PI1M.



Ketekunan Marie Monica menjadi contoh kepada pengunjung PI1M yang lain.

